



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA:

ISMAIL BIN DAUD SEBAGAI BEKAS KOMANDO 69
MENGENAI PERANAN DAN PENGALAMAN BELIAU DALAM MISI
PENGHAPUSAN KOMUNIS DI KALIMANTAN, SARAWAK
PADA TAHUN 1971

DISEDIAKAN OLEH:

AHMAD NABILIE BIN AB RAHMAN
ALIF ASYRAF BIN MOHD AMIN

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
JOHOR KAMPUS SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR604 – ORAL DOCUMENTATION

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2013 – JANUARI 2014)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	1
ABSTRAK.....	2
PENGENALAN.....	3-21
TRANSKRIP WAWANCARA	
KASET 1 BAHAGIAN A.....	23-29
KASET 1 BAHAGIAN B.....	30-50
KASET 2 BAHAGIAN A.....	51-64
KASET 2 BAHAGIAN B.....	65-78
LOG WAWANCARA.....	79-83
BIODATA TOKOH.....	84-85
SENARAI SOALAN WAWANCARA	86-93
LAMPIRAN.....	94-95
INDEKS.....	96-100

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin mengucapkan syukur yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada waktu yang ditetapkan. Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR 604 - Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Puan Azura Binti Kamarudzzaman yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tidak dilupa juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang disayangi yang telah banyak memberikan sokongan moral, dorongan dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Ismail Bin Daud yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi wawancara bersama Encik Ismail Bin Daud bekas Komando 69 berpangkat Sub. Inspektor mengenai peranan dan sumbangan beliau dalam misi penghapusan komunis di Kalimantan, Sarawak pada tahun 1971. Transkrip wawancara ini dijalankan di kediaman beliau di No. 5, Jln Duku 8, Taman Rumpun Bahagia, 75300 Bachang, Melaka pada 8 Disember 2014 bermula jam 3,00 petang pada 8 Disember 2014. Beliau merupakan salah seorang vateren Komando 69 yang berpengalaman luas yang banyak berjasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan negara dari ancaman-ancaman musuh. Beliau merupakan seorang yang berhemat dan berkaliber dalam segala aspek serta berkomitmen tinggi dalam meningkatkan prestasi kerjayanya. Beliau juga merupakan seorang yang amat komited didalam pasukan Polis Diraja Malaysia dan seorang yang peramah, tegas dan petah dalam melontarkan kata kata. Setiap kata kata yang diucapkan disertakan dengan asas yang kukuh. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan beliau dalam menjawat sebagai seorang anggota polis. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pengalaman yang beliau lalui sebelum bergelar sebagai seorang Komando 69 dalam kumpulan yang pertama. Kandungan transkrip ini merangkumi tentang latar belakang kehidupan beliau, latar belakang keluarga beliau, sejarah pendidikan beliau, serba sedikit mengenai bidang yang beliau ceburi serta peranan beliau dalam misi penghapusan komunis di Kalimantan, Sarawak pada tahun 1971. Setiap kata-kata dalam wawancara ini diterangkan dengan terperinci dan teliti. Segala soalan yang diberikan diceritakan dengan benar dan tidak mengandungi unsur-unsur sensitif serta unsur-unsur mengaibkan pihak lain.

PENGENALAN

Sejarah lisan ialah satu proses merekod sejarah-sejarah yang berlaku melalui wawancara ke atas pihak yang menyaksikan, mengalami atau terlibat secara langsung dalam sesuatu peristiwa yang memberi impak kepada negara. Sejarah lisan penting bagi mendapatkan gambaran dan maklumat sebenar tentang satu perkara yang telah berlaku melalui sumber utama iaitu orang yang terlibat dengan peristiwa tersebut. Melalui sejarah lisan, ia dapat mengelakkan perubahan fakta atas kepentingan sesuatu entiti. Sejarah lisan dirakam menggunakan kaset bagi memelihara kandungan bahan tersebut. Ia memerlukan pihak penemuramah dan pihak yang ditemuramah. Tokoh atau saksi berkenaan mestilah mempunyai bukti yang sah akan penglibatan mereka dalam peristiwa tersebut.

Saya Ahmad Nabilie Bin Ab Rahman bersama rakan saya Alif Asyraf Bin Mohd Amin berminat untuk mengkaji peristiwa bersejarah yang telah berlaku pada tahun 1971. Peristiwa yang telah berlaku pada tahun tersebut adalah usaha menangani kegiatan komunis di Kalimantan Sarawak. Usaha menangani Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) ialah satu pertubuhan yang disokong oleh Parti Komunis Indonesia (PKI) yang menolak penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Di sini kami mengupas kembali kejadian yang berlaku di Kalimantan, Sarawak tersebut. Kami berpeluang menemuramah seseorang yang memainkan peranan yang penting dalam misi yang bertujuan untuk menangani kumpulan PARAKU. Beliau merupakan ahli pasukan Komando 69 yang berpangkat Sub. Inspektor iaitu Encik Ismail Bin Daud. Beliau yang memainkan peranan yang besar dimana beliau sendiri telah terbabit dalam mempengaruhi kumpulan tersebut supaya beransur keluar dari menghuru-harakan Kalimantan.

PARAKU adalah kumpulan yang ditubuhkan sebagai medium untuk mereka bergabung tenaga dalam menentang Malaysia. Gerakan itu menjadi satu anasir subversif yang mengancam keselamatan Malaysia yang baru "berumur setahun jagung" itu. Pasukan Polis Hutan dan anggota Komando 69 ditugaskan untuk mengatasinya. Pengalaman beliau ketika terlibat dalam kejadian tersebut masih segar dalam ingatan beliau. Sebelum kami memperkenalkan bekas Komando 69 Sub. Inspektor Encik Ismail Bin Daud dengan lebih lanjut, kami ingin berkongsi sedikit